

# **KEBERKESANAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU SECARA KOLABORASI DAN PENERAPAN ICT DALAM PEMBELAJARAN**

Md Izzat Sarip  
Pusat Bahasa Melayu Singapura  
Sekolah Rendah Elias Park  
mohamed\_izzat\_mohamed\_sarip@moe.edu.sg

## **ABSTRAK**

Kajian ini memberikan tumpuan kepada penggunaan lelaman '*Collaborized Classroom*' yang memuatkan bahan-bahan pengajaran seperti keratan akhbar, klip video dan latihan bahasa akan dimuatnaikkan guru. Melalui lelaman ini, murid Darjah 5 dapat memberikan komen, penilaian terhadap sesuatu bahan pengajaran, memulakan perbincangan mengenai sesuatu topik bahasa dalam bilik darjah serta menonton klip video. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu menggunakan sistem sokongan (ICT) dan jalinan kolaborasi. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan borang soal selidik. Data dan maklumat yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif dan kaedah frekuensi. Kaedah pemerhatian juga digunakan untuk meneliti keberkesanan program kolaborasi ke atas murid. Dapatan kajian menunjukkan kesan yang positif ke atas pembelajaran dan sikap murid serta menegaskan akan perlunya sistem sokongan dalam pembelajaran murid.

### **Kata kunci**

Kolaborasi, ICT, Literasi Digital, Penilaian

## **PENGENALAN**

Literasi digital dibina berdasarkan tiga prinsip utama iaitu pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer, keupayaan memahami kandungan media dan kemampuan menggunakan teknologi digital. Kajian yang dijalankan yang berteraskan konsep aplikasi selaras dengan konteks kemahiran abad ke-21. Literasi digital dalam konteks kemahiran abad ke-21 membawa maksud keupayaan pengguna menggunakan kemahiran tersebut dengan cekap dan berkesan.


Melalui penggunaan lelaman '*Collaborized Classroom*', murid dapat menjalani proses pembelajaran inklusif seperti memberikan pendapat mengenai bahan-bahan pengajaran yang dimuatnaikkan guru atau bahan-bahan yang dimuatnaikkan murid-murid sendiri dalam pelaksanaan sesuatu projek yang diberi guru. Perisian '*Collaborized Classroom*' juga membolehkan murid mengambil bahagian dalam perbincangan dalam

kelas mengenai topik yang diberi guru sama ada dalam bentuk keratan akhbar, video atau latihan bahasa.

Kemampuan murid dalam mengaplikasikan perbincangan melalui perisian ini secara tidak langsung dapat memastikan penglibatan kesemua murid serta guru. Dengan adanya kemudahan komputer riba dan internet tanpa wayar, guru dan murid dapat menggunakan komputer dalam perbincangan kelas secara langsung. Guru juga dapat meninjau kemampuan murid berkomunikasi dan berkolaborasi dalam aliran literasi maklumat, literasi media dan literasi teknologi. Pendedahan ini membolehkan murid berfikir secara kritikal semasa membuat kajian mudah melalui literasi digital. Apabila murid terlibat dalam perbincangan dalam bilik darjah sesama guru dan rakan-rakan, mereka dapat berkomunikasi dalam satu situasi yang berfokus sekaligus menghasilkan pendidikan secara inklusif.


Bloom (1956) telah memperkenalkan satu hierarki kognitif yang disusun dari aras rendah ke aras tinggi seperti dalam rajah berikut:

Rajah 1: Taksonomi Bloom



Kini, terdapat satu penambahan aras yang selaras dengan perkembangan literasi digital. Menurut Anderson dan Krathwohl (2001), penambahan ini perlu untuk memberi murid peluang mengasah kemahiran berfikir secara kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif melalui perisian ini bermakna murid dapat berkongsi serta menilai, membuat kaitan, memberikan pandangan dan pendapat serta menggabungkan pelbagai maklumat yang dimuatnaikkan.

Rajah 2: Dr Robert Kozma's Knowledge Ladder:  
Curriculum and Assessment




Pembelajaran boleh berlaku di mana jua kita berada dan pada bila-bila masa sahaja. Ia juga disebut sebagai Pembelajaran *Ubiquitous*. Dengan adanya kemudahan internet yang tidak terhad, maka kita lebih mudah mengakses pelbagai maklumat dan bahan pengajaran serta pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal dengan tujuan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada. Orang selalu sebut sebagai maklumat di hujung jari.

Walaupun kaedah pembelajaran *ubiquitous* tidak mengambil peranan guru secara keseluruhannya, namun tidak dapat dinafikan bahawa pelajar masa kini mempunyai peluang yang lebih luas untuk menimba ilmu pengetahuan melalui pembelajaran sendiri. Maka tidak hairanlah jika ramai pelajar yang telah menguasai satu-satu topik pembelajaran sebelum ia diajar oleh guru.

Pembelajaran *ubiquitous* ini dipengaruhi oleh perkembangan pesat ICT global dan ini telah memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan kita. Apa yang lebih membanggakan lagi ialah ia turut memberi impak yang meluas dalam sistem pendidikan di Malaysia melalui proses Pembestarian Sekolah di dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan dengan itu, penggunaan teknologi terkini seperti aplikasi Web 2.0 yang semakin meluas membolehkan pelajar mencari maklumat dan informasi dengan lebih mudah dan berkesan.

Berdasarkan rajah Dr Robert Kozma, lelaman ‘*Collaborized Classroom*’ membolehkan murid-murid untuk menambahkan pengetahuan melalui explorasi topik-topik baru yang mereka pelajari. Murid-murid juga dapat memberikan pendapat serta komen dalam satu aktiviti kolaborasi dan interaksi berkenaan dengan tajuk perbincangan atau klip video yang dimuatnaikkan. Lelaman ini juga membolehkan murid-murid membuat penilaian secara sendiri akan tugas yang diberi. Dari perspektif guru pula, lelaman ini membolehkan guru mengumpulkan data serta maklumat akan pengetahuan murid-murid akan sesebuah topik pelajaran yang diberi. Dengan guru menjana maklumat atau data ini, guru dapat meninjau akan kelemahan serta kecenderungan para pelajar akan sesuatu topik pengajaran yang diberi.

Rajah 3: Kes Kajian Pengajaran



Sumber:

Catherine Lewis et. al (2006). *How Should Research Contribute to Instructional Improvement? The Case of Lesson Study*. p4. Education Researcher

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti:

1. keberkesanan pembelajaran kolaborasi dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid; dan
2. keberkesanan penggunaan ICT sebagai sistem sokongan dalam mencungkil kemahiran pemahaman serta penilaian murid dalam pembelajaran.

Berpandukan tujuan–tujuan yang tertera, kesemua tujuan merangkumi pendekatan pendidikan inklusif yang melibatkan pembelajaran dua hala antara guru dengan murid serta keberkesanan penggunaan ICT sebagai pendekatan literasi dan interaksi. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk membina satu sistem sokongan kepada murid bermasalah pembelajaran dengan mengamalkan konsep kolaborasi dan inklusif.

## **MASALAH KAJIAN**

Namun begitu, terdapat keterbatasan dalam mengendalikan pengajaran secara kolaborasi ini. Di antaranya ialah informasi yang pelbagai dan mengelirukan dan ketidakupayaan guru merancang tugas kolaborasi bagi setiap murid. Murid secara amnya juga menghadapi kesukaran bertutur dan kurang keyakinan untuk memberikan pendapat, komen atau penilaian dalam bahasa Melayu. Oleh itu, dengan penggunaan lelaman ini, murid dapat memberikan komen atau penilaian tanpa berasa malu atau dalam keadaan yang tertekan.

## **KAJIAN LEPAS**

Kolaborasi tidak hanya bererti bekerja bersama-sama tetapi bermaksud bekerjasama mencapai tujuan bersama yang tidak dapat dicapai oleh individu atau organisasi. Hal yang serupa telah ditekankan oleh Kagan (1991). Kamus Dewan Bahasa & Pustaka (1994) mendefinisikan makna kolaborasi sebagai melibatkan diri dalam sesuatu hal atau mempunyai hubungan antara dua atau lebih individu. Cook dan Friend (2001) pula mendefinisikan kolaborasi sebagai satu gaya perhubungan secara langsung antara dua kumpulan yang bersetuju membuat keputusan untuk mencapai matlamat yang sama. John Steiner (2000) menggambarkan pola kerjasama kolaborasi dari aspek peranan, hubungan, nilai dan cara kerja sebagai “*Creative Collaboration*” yang saling melengkapi antara satu sama lain.

## **Pembelajaran Kolaboratif**

Strategi pembelajaran kolaboratif merupakan salah satu strategi yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bestari. Walaupun ada persamaan dalam beberapa aspek tetapi pembelajaran kolaboratif berbeza daripada pembelajaran koperatif. Pembelajaran kolaboratif mempunyai ciri-ciri utama, antaranya, seperti berikut;

- Perkongsian maklumat antara guru dan murid atau murid dan murid – cth maklumat hasil carian internet dikongsi bersama.

Secara umum, strategi kolaboratif memerlukan pelajar bekerjasama dalam kumpulan bagi mengatasi sesuatu masalah, memberi maklum balas dan berkomunikasi serta berinteraksi antara satu sama lain secara berstruktur.


Banyak pendekatan pembelajaran kolaboratif diperkenalkan oleh beberapa tokoh terkenal seperti Kagan, Johnson & Johnson, Cooper, Graves & Graves, Millis, Catherine Lewis dan Slavin. Modul ini memilih pembelajaran koperatif yang diperkenalkan oleh Kagan (1988) untuk digunakan sebagai pendekatan utama. Walau bagaimana pun, pendekatan-pendekatan oleh tokoh-tokoh yang lain juga boleh diperkenalkan. Untuk tujuan kursus, modul ini melaksanakan cadangan pendekatan pelaksanaan strategi pembelajaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah di atas.

Menurut Kagan (1998), dalam pembelajaran kolaboratif, aktiviti pembelajaran dikatakan wujud apabila struktur koperatif yang disesuaikan dengan isi kandungan seperti yang diwakili oleh hubungan di bawah. Struktur pembelajaran + Isi kandungan = Aktiviti.

Kagan telah menyenaraikan sekurang-kurangnya sebanyak lebih daripada 50 contoh struktur (dengan nama-nama yang tertentu) yang dapat disesuaikan dengan isi kandungan.

Struktur boleh digunakan mengikut tujuan tertentu – *team building* (kumpulan kecil), *Classbuilding* (satu kelas), *Masteri*, *Kemahiran berfikir*, *Perkongsian Maklumat* dan *Kemahiran berkomunikasi*.

Rajah 4: Kerangka Pembelajaran Berkolaborasi



Nota: Sistem sokongan yang dicadangkan adalah berdasarkan model Kagan(1991)

Pembelajaran Kolaboratif menggunakan peraturan bilik darjah yang mampu mewujudkan satu pasukan yang berkesan. Singkatan KISSES mewakili peraturan bilik darjah seperti yang diterangkan di bawah.

- K** Keep with the group (Sentiasa dalam pasukan)
- I** Include everyone (libatkan semua ahli – elakkan passenger)
- S** Share ideas and feelings (sedia berkongsi idea dan perasaan)
- S** Stay on task (Sentiasa melakukan tugas yang diberi)
- E** Encourage others (Memberi galakan kepada rakan sebaya)
- S** Six inch Voices ( perbincangan mesra kumpulan berberdua / berempat dalam jarak lebih kurang 6 inci.)

Konsep Utama Dalam Pembelajaran Kolaborasi adalah seperti yang berikut:

- Pasukan – ada visi, berstruktur untuk perkembangan minda positif,
- Kemahiran sosial

Suasana pembelajaran yang kondusif dapat diwujudkan melalui pembelajaran kolaborasi melalui:

- Bilik darjah yang demokratik
- Memberi ‘Empowerment ‘ kepada pelajar
- Peranan guru sebagai fasilitator dan mentor

### **Ciri-ciri Pembelajaran Kolaborasi**

Terdapat pelbagai pendapat mengenai ciri-ciri pembelajaran kolaborasi. Slavin (1990) berpendapat, pembelajaran koperatif hanya berkesan apabila ia mempunyai tiga ciri berikut: ganjaran kumpulan, tanggungjawab individu dan peluang yang sama untuk berjaya.

Johnson & Johnson (1994) pula menggariskan lima ciri pembelajaran kolaborasi. Ciri-ciri tersebut adalah matlamat kumpulan, peranan ahli, interaksi, kemahiran berkumpulan dan penilaian kumpulan.

#### **1. Ganjaran kumpulan:**

Pelajar akan diberikan ganjaran apabila kumpulan mereka mencapai sesuatu kriteria tertentu tanpa ada sebarang persaingan antara sesama kumpulan. Ganjaran kumpulan menjadikan pelajar lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan.

#### **2. Tanggungjawab individu:**

Tanggungjawab individu bermaksud semua ahli kumpulan bertanggungjawab menentukan kejayaan sesuatu kumpulan. Ini akan mendorong pelajar membimbing rakan-rakan sekumpulan dan semua ahli bertanggungjawab menguasai pelajaran.

#### **3. Peluang yang sama untuk berjaya:**

Ia merujuk kepada pencapaian pelajar diukur berdasarkan peningkatan prestasi masing-masing. Oleh itu, semua pelajar berpeluang meningkatkan pencapaian kumpulan mereka tanpa mengira tahap kebolehan masing-masing.

#### 4. Matlamat kumpulan:

Pelajar mesti bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Tanpa kerjasama antara ahli, sesuatu kumpulan tidak dapat mencapai matlamat tersebut.

#### 5. Peranan ahli:

Ia merujuk kepada tanggungjawab individu dan kumpulan, iaitu sesebuah kumpulan bertanggungjawab mencapai matlamatnya dan setiap individu bertanggungjawab memberi sumbangan kerja yang sepatutnya.

#### 6. Interaksi:

Pembelajaran kolaborasi seharusnya menggalakkan interaksi, sebaik-baiknya secara bersemuka. Pelajar melakukan kerja secara bersama melalui perkongsian bahan, saling tolong-menolong dan memberi galakan antara satu sama lain.

#### 7. Kemahiran berkumpulan:

Pelajar perlu disediakan dengan kemahiran bersosial dan kemahiran untuk bekerja secara berkumpulan. Kedua-dua kemahiran ini perlu bagi membolehkan sesebuah kumpulan berfungsi dengan baik. Contohnya, kemahiran menguruskan sebarang konflik yang timbul di dalam kumpulan.

#### 8. Penilaian kumpulan:

Dalam penilaian kumpulan, ahli kumpulan berbincang dan menganalisis setakat mana kumpulan mereka mencapai matlamat yang dikehendaki. Pelajar mengenal pasti tindakan dan tingkah laku yang perlu diperbaiki atau dihentikan.

### **Peranan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran**

Berkenaan dengan ICT pula, Habermas(1970) menyatakan bahawa teknologi maklumat dan informasi dapat mewujudkan potensi bagi murid untuk berkomunikasi dan berkongsi bahan melalui forum perbincangan, e-mel dan sebagainya. Butler (1993) menyifatkan teknologi sebagai satu alat konstruktif yang memudahkan pembelajaran murid serta memahami pembelajaran tersebut melalui konsep kolaborasi.

Chen, Hsu dan Hung (2000) pula menerangkan bahawa terdapat empat cara maklumat teknologi yang digunakan untuk menjana kemahiran berfikir. Empat cara-cara yang dimaksudkan adalah alat informasi, alat konstruktif, alat situasi dan alat komunikatif.

Menyedari akan kepentingan kolaborasi dan ICT dalam pembelajaran, guru berusaha memupuk hal ini dalam kajian.



## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah rendah di kawasan timur Singapura. Kajian kolaborasi yang dijalankan ini melibatkan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah pemerhatian dan temu bual bagi memperoleh dapatan kajian.

### Subjek Kajian

Subjek yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid Darjah 5. Jumlah murid yang terlibat dalam kajian ialah seramai 22 murid berbangsa Melayu yang mempunyai kebolehan dan kecekapan bahasa yang pelbagai. Ada murid yang memiliki keupayaan yang tinggi, sederhana dan ada yang lemah.

### Sampel Kajian

Sampel pertama yang dipilih merupakan murid dalam kategori lemah atau '*slow learner*' yakni di bawah kategori yang mempunyai keupayaan yang lemah atau LA (*Low Ability*). Murid dalam kategori ini merupakan murid yang pasif dan menghadapi masalah keyakinan diri serta tidak begitu mahir dalam kemahiran literasi digital.

Sampel kedua pula merupakan kategori murid yang mempunyai keupayaan bertahap sederhana atau MA (*Middle Ability*) yang mengalami kesukaran dalam berkomunikasi bersama rakan sebaya dan agak mahir dalam kemahiran literasi digital.


Sampel ketiga merupakan golongan murid yang mempunyai keupayaan bertahap tinggi atau HA (*High Ability*) yang suka menyendiri dan mengalami kesukaran mengawal emosi. Sistem sokongan yang dicadangkan adalah berdasarkan model Kagan(1991). Model ini menggunakan enam aspek penting dalam menghasilkan satu sistem kolaborasi yang dirancang bagi tujuan matlamatnya.

### Prosedur Kajian

Program ini dilaksanakan selama kira-kira 10 minggu bermula pada bulan Mac 2013 sehingga awal Mei 2013. Keseluruhan program ini dibahagikan kepada empat fasa.

Agar pembelajaran kolaborasi berkesan, guru mesti mengajar kemahiran sosial kepada pelajar. Kemahiran-kemahiran tersebut merangkumi kepimpinan, membuat keputusan, membina kepercayaan, komunikasi dan pengurusan konflik.

Rajah 5: Kerangka Pembelajaran Kolaborasi



1. Fasa Pertama (minggu 1-2)

Fasa ini merupakan perancangan awal dimulai dengan perbincangan dan pengenalan laman ‘*Collaborized Classroom*’. Ini diikuti dengan penyelerasan program yang dilaksanakan seperti penggunaan emel untuk memasuki laman yang dimaksudkan dan bahan-bahan yang boleh dimuatnaikkan dalam projek yang diberi guru seperti klip video, slaid *powerpoint* dan gambar-gambar untuk dijadikan bahan perbincangan.

## Rajah 6: Contoh Lelaman *Collaborized Classroom*



### 2. Fasa Kedua (Minggu 3)

Fasa ini dimulakan dengan mengadakan bengkel di makmal bagi tujuan menjalankan program ini dan juga bagi memantapkan lagi pelaksanaan ICT yang akan dijalankan. Guru memulakan perbincangan kolaborasi berkenaan dengan klip video yang memaparkan lakonan murid dalam karangan. Dari klip video, murid berbincang dan menaip respons mereka. Murid menyarankan tajuk karangan berdasarkan klip video yang ditonton serta memberikan kata-kata bantuan atau peribahasa yang ada kaitan dengan klip video tersebut.

## Rajah 7: Contoh (1) Tugas yang disediakan bagi Murid

The screenshot shows a web browser window displaying a classroom portal. On the left, there is a 'CATEGORIES' sidebar with a tree structure: 'Getting Started' (4), 'Starter Topics' (4), 'Class 1' (9) with sub-items 'Class 1 Discussions' (9), 'Class 2' (4) with sub-items 'Class 2 Discussions' (4), 'Class 3' (6) with sub-items 'Class 3 Discussions' (6). The main content area features a video player titled 'peribahasa' with a thumbnail showing a person in a field. Below the video is a 'Post a Comment' form with a rich text editor and a 'Post' button. Two comments are visible: one by 'Aishah' on 04/18/2013 08:22 AM and another by 'Syahliq' on 04/18/2013 08:21 AM. The video player has a play button and a subtitle 'What's this? How am I going to fight? We're not heroes.' The browser's address bar shows the URL 'collaborize.collaborizeclassroom.com/portal/collaborize/site/window?publishUrl=p5mI&action=2&actionEvent=homeWithoutSuggestionBox&dt=1375197861560&categoryGroupId=0&sortBy=1&status=3&pageNo=2&starNo=1&resultsShow=true'.

## Rajah 8: Contoh (2) Tugas yang disediakan bagi Murid


The screenshot shows a web browser window displaying a classroom portal. On the left, there is a 'CATEGORIES' sidebar with a tree structure: 'Getting Started' (4), 'Starter Topics' (4), 'Class 1' (9) with sub-items 'Class 1 Discussions' (9), 'Class 2' (4) with sub-items 'Class 2 Discussions' (4), 'Class 3' (6) with sub-items 'Class 3 Discussions' (6). The main content area features a video player titled 'Karangan 2' with a thumbnail showing a person playing basketball. Below the video is a 'Post a Comment' form with a rich text editor and a 'Post' button. Two comments are visible: one by 'Aishah' on 04/22/2013 01:22 PM and another by 'Syahliq Ibrahim' on 04/22/2013 01:21 PM. The video player has a play button and a subtitle 'bertanggal tempatnya'.

### 3. Fasa Ketiga (Minggu 4-5)

Fasa ini adalah pelaksanaan program yang melibatkan penyediaan tapak projek dan persembahan dan diskusi melalui pemerhatian dan soal selidik dalam bilik darjah. Contoh projek adalah menyiapkan slaid *powerpoint* berkenaan dengan peribahasa.

# PERIBAHASA

Nadra Yazid  
5 Loyalty  
Sara Nur Alia  
5 Respect



Perah + Tenaga = Bertungkus - lumus



Putih + Hati = Ikhlas

#### 4. Fasa Keempat (Minggu 5-10)

Fasa ini ialah fasa pelaksanaan murid secara kolaborasi menjalankan kemahiran-kemahiran ICT dengan memuatnaikkan bahan-bahan akhbar atau klip video untuk perbincangan dalam bilik darjah dan guru bertindak sebagai pemerhati dan fasilitator.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perubahan dari aspek keyakinan diri murid. Murid didapati boleh bergaul dan berkomunikasi dengan rakan dengan lebih yakin.

Pembelajaran dalam bilik darjah juga amat positif. Melalui pemerhatian, guru mendapati bahawa wujud persahabatan dan nilai keakraban dalam kalangan murid yang dipaparkan di sepanjang program. Hal ini dapat dilihat dalam tugas secara berkumpulan yang diberikan oleh guru.

Kerjasama di antara guru dan murid juga lebih sistematik. Wujud sikap positif dalam kalangan murid semasa pelaksanaan projek dengan penggunaan laman '*Collaborized Classroom*' ini, dan terdapat kecenderungan murid untuk memberi komen, mencari bahan dan berbincang. Pelantikan beberapa orang murid sebagai pentadbir laman ini juga melahirkan sikap bertanggungjawab dalam mengendalikan laman ini dengan bimbingan guru.

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati keterlibatan setiap murid dalam pembelajaran dalam suasana dan persekitaran pembelajaran kolaborasi ini lebih aktif.

### **KESIMPULAN**

Penghasilan jalinan kolaborasi dan pembinaan sistem sokongan melalui laman '*Collaborized Classroom*' banyak memberi manfaat kepada murid dalam pembelajaran yang berpusatkan kemahiran literasi digital dan kemahiran berfikir dan berinteraksi.

Lebih-lebih lagi dengan sokongan guru serta ibu bapa dalam mengendalikan laman ini, usaha guru ini dapat melahirkan murid yang lebih berkeyakinan diri dan lebih cenderung memberikan pendapat dalam sesuatu perbincangan dalam situasi yang kurang tertekan. Kolaborasi antara ibu bapa dan guru juga dapat menambah keberkesanan pembelajaran dan mempertingkatkan kemahiran murid. Apabila terbentuknya kolaborasi antara ibu bapa dan guru serta murid, akan wujudlah perkongsian maklumat bagi mengoptimumkan perkembangan dan pendidikan murid sekolah. Kolaborasi bukan sahaja akan menjadi penentu kepada kejayaan program peralihan, tetapi juga akan memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran murid dalam abad teknologi ke-21 hari ini.

## RUJUKAN

- Anderson, L.W. & Krathwohl, D.R. (Eds). (2001). *A taxonomy for learning, teaching and assessing: A revision of Bloom's Taxonomy of educational objectives: Complete edition*. New York: Longman.
- Benjamin Bloom (1956). *Taxonomy of Educational Objectives*. Allyn & Bacon, Boston USA.
- Catherine Lewis et al (2006). How Should Research Contribute to Instructional Improvement? The Case of Lesson Study. p.4 *Education Researcher*
- Chen, D.T., Hsu, J.F., dan Hung, D. (2000). Learning Theories and IT: The Computer as a Tool. Dalam M.D.Williams (Ed.), *Integrating Technology into Teaching and Learning – Concept And Applications* (pp. 185-201). Singapore: Prentice Hall.
- Habermas, J. (1970). Towards a rational society: Student protest, science and politics (Jeremy J Shapiro, Trans.). Boston: Beacon press
- J. Buttler. Biggs (1993) *British Journal Of Educational Psychology*, 63, 3-19
- Kozma, Robert B., (2008). ICT, Education Reform and Economic Growth: A Conceptual Framework, Intel Corporation, US.
- Kozma, Robert B. (2009). Knowledge Ladder: Curriculum and Assessment. Florida Department of Education. Selfish Altruism, Alan Fairnington

## Biodata

Nama Pembentang	Mohd Izzat Mohd Sarip
Institusi	Pusat Bahasa Melayu Singapura Sekolah Rendah Elias Park Kementerian Pendidikan Singapura
Kelayakan Akademik	Sarjana Muda – Bahasa Melayu
Pengalaman	Cikgu Izzat mempunyai pengalaman mengajar di sekolah rendah dan amat berminat dalam bidang kajian. Cikgu Izzat telah berkongsi mengenai kajian yang dijalankan kepada guru-guru di Seminar Bahasa Melayu. Beliau berminat untuk mendalami bidang ICT dan menggunakannya untuk menarik minat murid kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.